

Newspaper  
Date

Utusan Malaysia  
9 March 2016

# 1987: Najib dan nyawa politik Mahathir...



UM-9/3/2016

**P**ADA malam 23 April 1987, kira-kira 29 tahun lalu. Satu perhimpunan telah diadakan di Hotel Hilton Kuala Lumpur. Hotel di Jalan Sultan Ismail ini antara hotel antarabangsa terawal di ibu kota, sekarang sudah hilang dari pandangan setelah 'direbankan' (*flattened*) untuk dibuat bangunan baharu, yang kini dikatakan terbengkalai.

Cukup genting pada masa itu perebutan kuasa antara dua tokoh - Dr. Mahathir Mohamad dan Tengku Razaleigh Hamzah (Ku Li).

Hilton menjadi markas jentera Mahathir, manakala Hotel Regent di Jalan Imbi menjadi markas Ku Li.

Perhimpunan Agung UMNO dan pemilihan akan diadakan di PWTC keesokan harinya pada 24 April.

Perhimpunan di Hilton itu diadakan oleh Dr. Mahathir bagi mengumpul sokongan. Suasana amat terdesak. Dr. Mahathir selaku Presiden UMNO dan Perdana Menteri terasa amat terancam. Dia cukup tertekan. Dia menghadapi tentangan maha hebat untuk mempertahankan jawatan Presiden. Ku Li bukan calang-calang orang dan Dr. Mahathir merasakan dia boleh dikalahkan.

Berlaku perpecahan yang amat dahsyat dalam sejarah politik Melayu ketika itu. Satu peperangan politik umpama kisah *Clash of the Titans* dan *David and Goliath*.

Akibatnya terbentuk dua *team*. *Team A* dan *Team B*. *Team A* Mahathir bersama Tun Ghafar dan Anwar Ibrahim serta *Team B* Ku Li bersama Musa Hitam, Pak Lah, Datuk Manan Osman, Rais Yatim, Datuk Zainal Abidin Zain. Najib selaku Ketua Pemuda UMNO juga dikatakan menyatakan sokongan kepada *Team B*.

Dr. Mahathir yang terdesak membuat perancangan. Dipanggil semua penasihatnya, termasuk ADC atau Ketua Pengawal Peribadinya, Mohamad Ali (Pak Ali). Beliau perlu memikirkan dengan cepat. Masa tidak lama sebelum pengundian pagi keesokan harinya.

Hanya 11 jam sahaja yang tinggal. "Ali pergi cari Najib cepat!" kata Dr. Mahathir kepada Pak Ali.

Pada waktu itu, di Bukit Tunku; Najib dan isterinya Rosmah sedang mengemas kediaman yang baru mereka sewa serta menyambut tetamu. Najib tidak mahu memikirkan soal UMNO atau apa yang berlaku di



**KEPUTUSAN** pemilihan UMNO pada 24 April 1987 menyaksikan Dr. Mahathir Mohamad menang tipis dengan majoriti 43 undi untuk jawatan Presiden parti. - GAMBAR ARKIB UTUSAN

Hotel Hilton pada malam itu.

Sebaliknya, Dr. Mahathir amat memerlukan sokongan Najib. Masa ketika itu cukup genting.

Di kediaman ibu Najib, Tun Rahah di Jalan Eaton pada malam yang sama, kelihatan masuk deretan *radio car* (kereta peronda polis) dan sebuah kereta besar semacam kereta Perdana Menteri.

"Saya yang tinggal depan rumah Tun Rahah nampak kereta itu masuk. Saya pun keluar menemui Tun Rahah.

"Kelihatan *body guard* Dr. Mahathir tiba bersama *radio car* itu."

Dr. Mahathir mengarahkan pengawal peribadinya itu mencari Najib. Najib perlu dibawa dengan kereta besar Perdana Menteri ke Hotel Hilton pada malam itu juga. Najib perlu ditunjukkan kepada perwakilan. Sokongan Najib kepada Dr. Mahathir adalah penentu.

"Saya bertanya kepada Tun Rahah apa yang perlu dilakukan. Beliau berkata, mintalah Najib pergi sebagaimana Tun Razak taat kepada Tunku dahulu."

Itu kata-kata Datuk Idris Shaari Mat Aris yang saya andaikan sebagai bapa angkat atau *guidance angel* kepada anak-anak Tun Abdul Razak.

Idrislah yang mula mengasuh Najib bermula beliau pulang dari England sehingga menjadi Menteri Besar Pahang pada usia yang muda dan pengalaman yang cetek. Idris ialah Pengawal Peribadi kepada

Tun Razak dan apabila Tun Razak meninggal beliau menjadi Setiausaha Sulit kepada Tun Rahah.

Saya menemui Idris kelmarin dalam satu mesyuarat di Kuala Lumpur. Sebagai seorang yang sudah berusia 70an fikiran Tok Deris, panggilan kami kepadanya, masih tajam. Cuma fizikalnya agak lemah dan memerlukan tongkat dan pembantu untuk berjalan.

Mendengarkan kata-kata Tun Rahah itu maka Idris meminta *body guard* Dr. Mahathir mengikutinya ke kediaman baharu Najib di Bukit Tunku.

Semasa kami tiba dengan *petrol car* dan kereta besar Perdana Menteri itu, Najib sedang menemui tiga orang perwakilan dari Pahang.

"Saya masuk ke dalam bilik dan berjumpa Najib. Saya kata Dr. Mahathir minta Datuk (Najib) pergi juga malam ini ke Hilton.

"Mummy (Tun Rahah) pun cakap pergilah Tok."

Najib menjawab: Takpalah, Deris pergilah dulu.

Saya masih merasa was-was dan bertanya sekali lagi dengan Najib, adakah beliau akan pergi?

"Setelah mendapat jaminannya maka saya pun pergi. Saya bagi tahu Ali bahawa Najib akan pergi ke Hilton. Saya juga pergi ke Hilton dan saya diminta Ali berada di tepi pentas.

"Semasa saya tiba Tok Mat (Datuk Mohamed Rahmat) sedang berucap menghentam Najib," kata Idris sambil ketawa.

Dr. Mahathir mengarahkan supaya satu kerusi di meja utama dikosongkan bagi memberi tempat kepada Najib.

"Kemudian Ali memberitahu saya Najib sudah sampai." Kata Idris, beliau nampak Najib tiba dengan kawan lama sekolahnya di *St. John's Institution*, bernama Dr. Tiagi.

Apabila Najib masuk semua hadirin bangun bertepuk tangan. Nada ucapan tiba-tiba bertukar. Dr. Mahathir amat gembira dengan kemunculan Najib itu.

Akhir sekali keesokan harinya Dr. Mahathir menang mengalahkan Ku Li dengan *margin* yang tipis. Dr. Mahathir menang sebanyak 43 undi ke atas Ku Li, iaitu 761 berbanding 718 undi untuk jawatan Presiden UMNO.

Dr. Mahathir hampir tersungkur. Tak perlulah saya bagi *details* apa yang berlaku semasa pengundian itu sedang dijalankan. Mengapa tiba-tiba bunyi bising dengan lagu-lagu dan lampu tiba-tiba padam.

Akibat kemenangan Dr. Mahathir itu *Team B* dianggotai oleh 11 ahli UMNO (dikenali sebagai UMNO 11) membawa ke mahkamah kerana dikatakan pemilihan itu tidak sah.

Kes itu telah dibicarakan di hadapan Hakim Harun Hashim di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 4 Februari 1988.

Setelah beberapa siri perbicaraan yang mengambil masa selama tujuh bulan, Harun telah memutuskan bahawa di bawah undang-undang, beliau tiada pilihan melainkan mengisytiharkan UMNO sebagai pertubuhan yang tidak sah kerana wujudnya beberapa cawangan yang tidak didaftarkan dan dianggap tidak sah di bawah Akta Pertubuhan.

Cuma mpral kisah daripada cerita Datuk Idris tadi ialah: Najib ketika itu telah memberi pengorbanan yang paling besar atas nama kesetiaan kepada Dr. Mahathir sehingga dapat beliau mentadbir negara selama 22 tahun seterusnya.

"Apakah Dr. Mahathir mengetahui mengenai kisah itu? Mahathir tidak tahu..." kata Idris.

Najib telah menyelamatkan nyawa politik Dr. Mahathir!

